



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 7/1977**

Perintah Perampasan Tanah (Disemak 2007)



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 7/1977**

Perintah Perampasan Tanah (Disemak 2007)

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai keperluan diadakan perintah bagi mengisytiharkan perampasan tanah di bawah seksyen 100 atau perenggan 129(4)(c) dan perenggan 129(5)(b) Kanun Tanah Negara 1965.

2. Seksyen 100 Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan bahawa selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah seksyen 97, jika kesemua jumlah tunggakan cukai itu tidak diserahkan (dibayar) kepada Pentadbir Tanah, maka Pentadbir Tanah hendaklah melalui satu perintah, mengisytiharkan tanah itu dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

3. Perenggan-perenggan 129(4)(c) dan 129(5)(b) Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan bahawa setelah selesainya sesuatu siasatan untuk menentukan sama ada tindakan merampas tanah itu perlu dijalankan atau tidak maka Pentadbir Tanah berpuas hati iaitu pelanggaran syarat itu masih tidak dibaiki dan tambahan masa tidak wajar diberi untuk memperbaiki pelanggaran syarat itu, maka satu perintah hendaklah dikeluarkan supaya mengisytiharkan tanah itu dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

4. Perintah di bawah seksyen 100, perenggan 129(4)(c) atau perenggan 129 (5)(b) Kanun Tanah Negara 1965 untuk mengisytiharkan sekeping tanah itu dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri hendaklah seperti yang disyorkan berikut:-

Perintah Pentadbir Tanah di bawah seksyen 100

Bahawasanya notis tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara 1965 telah disampaikan kepada tuanpunya tanah yang dimiliki menurut (Perihal dan No. hakmilik) No. lot /PT Bandar/Pekan/Mukim Daerah pada 20..... dan juga satu catatan mengenai penyampaian telah diendorskan dalam dokumen hakmilik daftar pada 20..... No. Perserahan

Bahawasanya tuanpunya tanah telah gagal menyerahkan (membayar) sebanyak RM (Ringgit Malaysia.....) seperti yang dinyatakan dalam notis tersebut pada atau sebelum 20.....

Oleh itu saya dengan perintah ini mengisytiharkan bahawa tanah tersebut dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada hari bulan 20.....

Mohor

.....
Pentadbir Tanah
Daerah

Perintah Pentadbir Tanah di bawah perenggan 129(4)(c)

Bahawasanya satu siasatan telah dibuat oleh saya pada 20..... berikutan dengan satu notis dalam Borang 7B Kanun Tanah Negara 1965 yang disampaikan pada 20..... dan juga catatan mengenai penyampaiannya telah diendorskan dalam dokumen hakmilik daftar pada No. Perserahan

Bahawasanya dalam siasatan tersebut adalah didapati iaitu tuanpunya tanah yang dimiliki menurut (Perihal dan No. hakmilik) No. lot/PT Bandar/Pekan/Mukim Daerah telah gagal memulihkan perlanggaran syarat dan tambahan masa tidak wajar diberikan untuk memulihkan perlanggaran tersebut.

Oleh itu saya dengan perintah ini mengisytiharkan bahawa tanah tersebut dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada hari bulan 20

Mohor

.....
Pentadbir Tanah
Daerah

Perintah Pentadbir Tanah di bawah perenggan 129(5)(b)

Bahawasanya satu siasatan telah dibuat oleh saya pada 20..... berikutan dengan satu notis dalam Borang 7B Kanun Tanah Negara 1965 yang disampaikan pada 20.....

Bahawasanya saya berpendapat iaitu masa/tambahan masa patut diberi kepada tuanpunya tanah yang dimiliki menurut (Perihal dan No. hakmilik) No. Lot/PT Bandar/Pekan/Mukim Daerah untuk memulihkan perlanggaran syarat tersebut dan tempoh selama yang berakhir pada 20..... telahpun dibenarkan.

Bahawasanya tuanpunya tanah telah gagal memulihkan perlanggaran syarat tersebut sehingga akhir tempoh yang dibenarkan.

Oleh itu saya dengan perintah selanjutnya ini mengisytiharkan bahawa tanah tersebut dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada hari bulan 20.....

Mohor

.....
Pentadbir Tanah
Daerah

5. Setiap perintah yang dibuat menurut seksyen 100, perenggan 129(4)(c) atau perenggan 129(5)(b) Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah dimasukkan ke dalam fail yang berkenaan. Perintah-perintah tersebut di perenggan 3 di atas tidak perlu diwartakan kerana menurut seksyen 130 Kanun Tanah Negara 1965, Pentadbir Tanah adalah dikehendaki

menyiarkan dalam *Warta* satu pemberitahuan mengenai perampasan itu dengan menggunakan Borang 8A. Tarikh siaran pemberitahuan ini adalah menjadi tarikh perampasan (tarikh tanah itu terletak haknya pada Pihak Berkuasa Negeri sebagai tanah Kerajaan) berdasarkan kepada peruntukan subseksyen 130(1) Kanun Tanah Negara 1965.

6. Pentadbir-pentadbir Tanah dengan ini dinasihatkan bahawa satu perintah menurut seksyen 100 atau 129 boleh dibuat seperti yang dinyatakan di perenggan 4 di atas dan salinan asal perintah itu hendaklah dimasukkan ke dalam fail yang berkenaan.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan